Dalam industri ternakan sebatian organoarsenik telah digunakan sebagai alternatif kepada nitrofururan bagi tujuan mempercepat tumbesaran ayam di samping bertindak sebagai antibiotik tanpa memberi kesan pada pengguna (Siti Morin Sinaga, 2002). Sebagai contoh, Morehouse dan Mayfield telah membuktikan bahawa sebatian 3-NHPAA bukan sahaja dapat mempercepat tumbesaran ayam ternakan, tetapi juga bertindak sebagai antibakteria bagi kawalan penyakit *koksidiosis* yang disebabkan oleh *Eimeria tenella*. Manakala, sebatian 4-NPAA berkesan bagi kawalan penyakit *koksidiosis* yang disebabkan oleh *Eimeria acervulina*. Kajian ini

merupakan langkah terawal bagi penggunaan sebatian organoarsenik sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan ternakan (Calvert, 1974; Cody *et al.* 1990). Penggunaan sebatian organoarsenik yang digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan ternakan perlu diberi perhatian bukan sahaja untuk melindungi ternakan, tetapi yang lebih penting adalah keselamatan penggunanya di samping memastikan haiwan yang diternak cukup sehat, sesuai dan selamat untuk dimakan oleh manusia (Cody *et al.* 1990; Mohammad Aziz, 1993; Siti Morin Sinaga, 2002). Selain itu bahan makanan tambahan yang digunakan perlu dipastikan tidak bersifat toksik, mudah dan cepat dimetabolismakan dari badan haiwan serta kehadiran sebatian ini di dalam tisu haiwan ternakan berada pada paras yang dibenarkan (Crosby, 1991). Kerajaan Amerika Syarikat hingga sekarang masih membenarkan peggunaan sebatian organoarsenik dalam industri ternakan ayam sebagai bahan tambahan makanan yang disertakan dengan antibiotik bagi mendapatkan kesan yang lebih baik. Penggunaan sebatian roksarsona bersama dengan antibiotik bacitrasin atau kombinasi dua atau tiga jenis antibiotik, dapat menurunkan kos rawatan haiwan ternakan sehingga 30% (Chapman, 2001; Chapman dan Johnson , 2002). Penggunaan sebatian organoarsenik sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan ternakan telah meningkatkan tumbesaran ayam sebanyak 17 hingga 27 % berbanding dengan tumbesaran ayam yang tidak diberi sebatian organoarsenik (Anderson, 1983). Bagaimanapun, penggunaan bahan tambahan di dalam makanan ternakan ayam perlu dihentikan sekurang-kurangnya lima hingga tujuh hari sebelum haiwan disembelih. Ini bertujuan untuk mengurangkan sisa bahan kimia tersebut di dalam tisu haiwan (Calvert, 1974; Crosby, 1991).

Sebatian organoarsenik boleh ditentukan dengan menggunakan beberapa kaedah analisis antaranya adalah kaedah analisis spektrofotometri serapan atom (George *et al.* 1982), polarografi (Watson dan Svehla, 1975a; Andrew dan Geiger, 1981), kromatografi gas (Weston *et al.* 1971), kromatografi cecair (Dean *et al.* 1994; Pergantis *et al.* 1997), elektroforesis kapilari (Greschonig *et al.* 1998), spektrofluorimetrik (Ruiz *et al.* 2001), kromatografi ion (Jackson dan Bertsch, 2001) dan voltammetri denyut pembeza menggunakan elektrod titisan raksa tergantung bagi sebatian 3-NHPAA (Rahimah Jamaluddin, 1999) serta penggunaan elektrod pasta karbon dan pasta karbon terubah suai sebagai elektrod kerja dalam kaedah voltammetri denyut pembeza bagi kajian sebatian 3-NHPAA dan *p*-ASA (Siti Morin

Sinaga, 2002). Kaedah voltammetri mempunyai beberapa kelebihan, antaranya ialah mudah dikendalikan, masa analisis yang singkat, peralatan yang ringkas, lebih sensitif dan kos peralatan yang lebih murah berbanding dengan peralatan analisis yang lain seperti kromatografi cecair, kromatografi gas dan spektrofotometri serapan atom (Van der Berg, 1994). Elektrod raksa merupakan pilihan yang menarik kerana memiliki voltan lampau hidrogen dalam julat keupayaan katodik dengan permukaan elektrod mudah diperbaharui dan dijanakan semula. Pembangunan kaedah baru yang sensitif dengan kos peralatan yang rendah bagi penentuan sebatian organoarsenik adalah merupakan prioriti yang utama, memandangkan sebahagian daripada sebatian ini juga digunakan sebagai bahan tambahan dalam industri ternakan.

1.2 Arsenik

Arsenik (As) merupakan suatu unsur daripada kumpulan ke V dalam urutan Jadual Berkala Unsur dan dikategorikan sebagai unsur metalloid. Arsenik di dalam sebatiannya memiliki nombor pengoksidaan -3, 0, +3 dan +5 dan wujud dalam bentuk sebatian organik dan tak organik. Arsenik tak organik yang terdiri daripada arsenit (As (III)) dan arsenat (As (V)) merangkumi 70 % jumlah arsenik yang wujud di alam sekitar dan selebihnya merupakan sebatian organoarsenik (Andreae, 1986; Ricci *et al.* 1981). Sebatian organoarsenik yang wujud di alam sekitar, antaranya ialah asid monometilarsonik, asid dimetilarsinik, arsenobetain, arsin, arsenokolin, asid fenilarsonik, asid *para*-arsanilik, asid 4-nitrofenilarsonik, asid 3-nitro-4-hidroksi fenilarsonik, asid *para*-ureidofenilarsonik, asid *ortho*-arsanilik dan arsenosugar (arsenoyl riboside) (Gong *et al.* 2002). Penggunaan arsenik dalam bidang farmasi mencapai 2 peratus, dalam penghasilan bahan kimia 5 peratus, dalam industri pembuatan kaca dan tembikar 8 peratus dan dalam industri pengawetan kayu dan bahan kimia untuk pertanian 81 peratus. Penggunaan arsenik dalam bidang pertanian berupa campuran dalam pembuatan bahan racun makhluk perosak (McComish dan Joo, 1988). Kesemua aktiviti tersebut turut menyumbang kehadiran arsenik di alam sekitar, disamping pembentukan arsenik secara semula jadi, seperti letusan gunung berapi dan kebakaran hutan. (Peoples, 1975; Fitzgerald, 1983; Fowler, 1983). Semua sebatian arsenik larut dalam julat tertentu dan kebanyakannya dianggap racun kepada

manusia, kerana itu, pengambilan maksimum arsenik yang di cadangkan oleh WHO mestilah kurang daripada 0.05 mg per kg berat badan (Arnold, 1988). Sementara itu Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan di Malaysia mensyaratkan bahawa kandungan As dalam makanan yang diperdagangkan mestilah kurang daripada $1 \mu\text{g g}^{-1}$ (Nur Fajar Yanta, 2000).


Arsenik tak organik lebih toksik berbanding arsenik dalam bentuk organik. Manakala Arsenik (III) lebih toksik berbanding dengan arsenik (V), hal ini kerana Arsenik (III) bertindak balas dengan kumpulan sulfhidril pada sebatian seperti protein dan enzim dalam badan makhluk hidup (Callahan *et al.* 1979; Subramaniam *et al.* 1984 dan Ronald, 1994). Ketoksikan arsenik boleh menyebabkan penyakit seperti gangguan sistem saraf periferi, gangguan usus, penyakit hati, kekurangan darah, barah paru-paru, barah kulit serta perubahan pada kromosom (Frust, 1983; Aswathanarayana, 1995).

Beberapa kaedah telah digunakan bagi penentuan arsenik tak organik, antaranya kaedah sepektrofotometri serapan atom (Cullen dan Dodd, 1989; Irgolic *et al.* 1983; Brooks *et al.* 1981), kaedah kromatografi cecair prestasi tinggi (Branch *et al.* 1991; Larsen *et al.* 1993; Le *et al.*, 1994) dan kaedah elektroforesis kapilari (Schlegel *et al.* 1996; Greschonig *et al.* 1998). Kaedah analisis elektrokimia juga telah digunakan bagi penentuan arsenik tak organik, antaranya adalah kaedah polarografi denyut pembeza (Henry *et al.* 1979; Henry dan Torpe, 1980) serta kaedah voltammetri perlucutan (Greulach dan Henze, 1995; Zima dan Constant, 1994; Sun *et al.* 1997; Van der Berg, 1991; Ferreira dan Barros, 2002; Rasul *et al.* 2002).

1.3 Sebatian Organoarsenik

Sebatian organoarsenik ditemukan oleh L.C.Cadet de Gassicourt pada tahun 1970 melalui penyulingan campuran arsenik trioksida dan kalium asetat (Andreae, 1986). Hasil yang diperolehi berupa cecair meruap yang mudah terbakar di dalam udara dan mempunyai bau yang kuat yang dikenali sebagai ‘cecair berarsenik Cadet beruap’ (Cadet’s fuming arsenical liquid). Sebatian ini merupakan suatu campuran

yang komponen utamanya ialah $((\text{CH}_3)_2\text{As})_2\text{O}$. Pada masa ini terdapat empat sebatian organoarsenik yang telah diluluskan oleh Pentadbiran Pemakanan dan Dadah (FDA) Amerika Syarikat sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan ternakan iaitu asid 3-nitro-4-hidroksifenilarsonik (3-NHPAA, roksarsona), asid *para*-arsanilik (*p*-ASA), asid 4 hidroksifenilarsonik (4-NPAA, nitarsona) dan asid *para*-ureidofenilarsonik (*p*-UPAA, karbarsona) (Robert, 1975; Andreae, 1986; Pergantis *et al.* 1997b). Sebatian-sebatian ini sangat mudah terkumuh sama ada tanpa perubahan secara kimia atau dalam bentuk terbitan organoarsenik, terutamanya apabila tiada kemusnahan yang berlaku semasa proses metabolisme (Andreae, 1986).



Rajah 1.1: Formula sebatian (a) asid 3-nitro-4-hidroksifenilarsonik (3-NHPAA, roksarsona), (b) asid *p*-arsanilik (*p*-ASA), (c) asid 4-nitrofenilarsonik (4-NPAA, nitarsona) (d) asid *p*-ureidofenilarsonik (*p*-UPAA, karbarsona), (e) asid fenilarsonik (PAA) dan (f) asid *o*-arsanilik (*o*-ASA).

Sebatian organoarsenik yang digunakan dalam kajian ini adalah asid *para*-arsanilik (*p*-ASA), asid 4-nitrofenilarsonik (4-NPAA), asid *para*-ureidofenilarsonik (*p*-UPAA), asid 3-nitro-4-hidroksifenilarsonik (3-NHPAA), asid *ortho*-arsanilik (*o*-ASA) dan asid fenilarsonik (PAA) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Sebatian 3-NHPAA (a) dan *p*-ASA (b) digunakan dalam industri penternakan sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan yang berfungsi untuk

menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan penghasilan telur (Calvert, 1974). Sebatian 4-NPAA (c) dan *p*-UPAA (d) pula, digunakan dalam industri penternakan untuk mencegah penyakit yang dikenali sebagai *blackhead disease* atau *histomoniasis* pada ayam belanda (Pergantis *et al.* 1997a). Manakala, kedua-dua sebatian asid fenilarsonik (e) dan *o*-ASA (f) merupakan sebatian organoarsenik yang masih belum lagi digunakan dalam industri penternakan.

1.3.1 Asid *para*-arsanilik (*p*-ASA)

Sebatian asid *para*-arsanilik (*p*-ASA) secara fizikal merupakan hablur berwarna putih dengan takat lebur 232 °C, larut dalam air dan stabil, tetapi akan terurai pada suhu yang lebih tinggi. Sebatian ini mempunyai kumpulan berfungsi amino (NH₂) pada kedudukan *para* dengan formula molekul C₆H₈AsNO₃ serta jisim molekul relativnya adalah 217.06 (Stecher, 1960; Huang *et al.* 2000). Sebatian ini juga dikenali sebagai asid 4-aminofenil arsonik, asid *para*-arsanilik, asid *p*-aminobenzenarsonik dan asid *p*-aminofenilarsonik (*p*-APA). Sebatian *p*-ASA digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan sama ada dalam bentuk tunggal atau campuran bagi mencegah penyakit koksidiosis pada ayam dan khinzir yang disebabkan oleh *Eimeria Acervulina* (Calvert, 1971; Pergantis *et al.* 1997a; Watson dan Svehla, 1975; Aschbacher dan Feil, 1991). Nilai pK_a bagi *p*-ASA ialah pK_{a1} = 2, pK_{a2} = 4.02 dan pK_{a3} = 8.92 (Maruo, *et al.* 1989). Had maksimum penggunaan asid arsanilik dalam makanan haiwan yang dibenarkan oleh FDA adalah 0.005 – 0.1 % yang setara dengan 45 – 90 g ton⁻¹ (Anderson, 1983). Penambahan *p*-ASA dalam makanan haiwan di bawah had yang dibenarkan tidak akan mengancam kesihatan pengguna tetapi adalah disarankan supaya penggunaan sebatian ini dihentikan sekurang-kurangnya 5 hingga 7 hari sebelum haiwan tersebut disembelih (Holeman, 1997).

1.3.2 Asid 4-Nitrofenilarsonik (4-NPAA)

Sebatian asid 4-nitrofenilarsonik (4-NPAA) secara fizikal merupakan hablur berwarna kuning pucat dan mempunyai formula $C_6H_6AsNO_5$ serta jisim molekul relativnya adalah 247.04 (Stecher *et al.* 1960). Sebatian ini juga dikenali sebagai asid *p*-nitrobenzenarsonik dan asid 4-nitrobenzenarsonik (Pergantis *et al.* 1997a; Watson dan Svehla, 1975; Andrews dan Geiger, 1981), dan secara komersial ia dikenali dengan nama nitarsona dan histostat (Calvert, 1974). Sebatian 4-NPAA larut dalam air dan digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan bagi mencegah penyakit yang dikenali sebagai *blackhead disease* atau *histomoniasis* pada ayam belanda yang disebabkan oleh *Histomonas meleagridis* (Pergantis *et al.* 1997a). Had maksimum penggunaan asid 4-NPAA dalam makanan haiwan yang dibenarkan oleh FDA adalah 0.0188 % yang setara dengan 168.75 g ton⁻¹ (Anderson, 1983).

1.3.3 Asid *para*-Ureidofenilarsonik (*p*-UPAA)

Sebatian asid *para*-ureidofenilarsonik (*p*-UPAA) secara fizikal merupakan hablur berwarna putih dengan takat lebur 174 °C dan mempunyai formula $C_7H_9AsN_2O_4$ serta jisim molekul relativnya adalah 260.07 (Stecher *et al.* 1960). Sebatian ini juga dikenali sebagai, asid 4- karbamilaminofenilarsonik, asid *p*-karbamidobenzeneearsonik, asid *p*-ureidobenzeneearsonik dan asid 4-ureido fenilarsonik (Wetson *et al.* 1971; Andreae, 1986; Pergantis *et al.* 1997a), dan secara komersial dikenali dengan nama Karbarsona, Amabevan, Ameban, Arsambide, Amibiaron, Aminarsone dan Leucarsonen (Stecher *et al.* 1960). Sebatian *p*-UPAA larut dalam air dan digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan bagi mencegah penyakit yang dikenali sebagai bkackhead disease atau *histomoniasis* pada ayam belanda yang disebabkan oleh *Histomonas meleagridis* (Pergantis *et al.* 1997a). Had maksimum penggunaan asid *p*-UPAA dalam makanan haiwan yang dibenarkan oleh FDA adalah 0.025 – 0.038 % atau setara dengan 225 – 337.5 g ton⁻¹ (Anderson, 1983).

1.3.4 Asid 3-Nitro-4-Hidroksifenilarsonik (3-NHPAA)

Asid 3-Nitro-4-hidroksifenilarsonik (3-NHPAA) lebih dikenali dengan nama komersial sebagai Roksarsona, Ristat, Nitro-ten, nitro-10, Reno-sat dan Aklomix-3. Nama lain bagi 3-NHPAA pula adalah asid 4-hidroksi-3-nitrobenzenarsonik, asid 3-nitro-4- hidroksibenzenarsonik, asid 2-nitro-1-hidroksi-benzen-4-arsonik, 4-hidroksi-3-nitrofenilarsonik (Calvert, 1974; Andrews dan Geiger, 1981; Pergantis *et al.* 1997a). Sebatian ini mempunyai jisim molekul relatif 263.04 yang secara fizikal berbentuk hablur berwarna kuning pucat dengan formula kimia $C_6H_6AsNO_6$ dan takat lebur melebihi $300^{\circ}C$ (Calvert, 1974; Stecher, 1960; Pergantis *et al.* 1997a). Sebatian 3-NHPAA digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan ternakan sebagai penggalak pertumbuhan ternakan ayam dan mencegah penyakit koksidiosis yang disebabkan oleh *Eimeria tenella*, *Eimeria acervulina*, *Eimeria necatrix*, *Eimeriamaxima*, dan *Eimeria brunetti* (Calvert, 1974; Crosby, 1991; Pergantis *et al.* 1997a). Had maksimum penggunaan asid 3-NHPAA dalam makanan haiwan yang dibenarkan oleh FDA adalah 0.003 - 0.005 % ($22.5 - 45.0\text{ g ton}^{-1}$) dan dalam otot daging ayam segar ialah 0.5 ppm (Anderson, 1983; Lyne dan Lott, 1984). Penggunaan sebatian ini bersama dengan antibiotik *basitrasin (BAC)* dan antibiotik ionofore *salinomisin (SAL)* dalam industri ternakan di USA masih diteruskan hingga ke hari ini (Chapman, 2001; Chapman dan Johnson, 2002).

1.3.5 Asid *orto*-arsanilik (*o*-ASA)

Sebatian asid *orto*-arsanilik (*o*-ASA) secara fizikal merupakan hablur berwarna putih, mempunyai kumpulan berfungsi amino (NH_2) pada kedudukan *orto* dengan formula molekul $C_6H_8AsNO_3$ dan jisim molekul relatif adalah 217.06 (Stecher, 1960). Sebatian ini juga dikenali sebagai asid 4-aminofenil arsonik, asid *o*-aminobenzenarsonik, asid *o*-aminofenilarsonik (*o*-APA) dan asid *orto*-arsanilik. (Andrews dan Geiger, 1981). Nilai pK_a bagi sebatian *o*-ASA ialah $pK_{a1} = 2$, $pK_{a2} = 3.77$ dan $pK_{a3} = 8.66$ (Maruo *et al.* 1989).

1.3.6 Asid Fenilarsonik (PAA)

Asid fenilarsonik (PAA) merupakan sebatian organoarsenik dengan asid arsonik yang terdiri daripada arsenik bervalensi +5 atau arsenik (V), terikat pada gelang benzena. Hal ini mengurangkan ketoksikan sebatian fenilarsonik berbanding dengan arsenik tak organik. Sebatian ini tidak memiliki kumpulan penukar ganti dan secara fizikal berbentuk hablur berwarna putih dan mempunyai jisim molekul relatif $202.04 \text{ g mol}^{-1}$ dengan formula kimia $\text{C}_6\text{H}_7\text{AsO}_3$ (Stecher, 1960). Li *et al.* (2003), telah mengkaji bahawa kumpulan asid fenilarsonik dalam bahagian sebatian organik (2-triklorometil-4-[4’-(4”-fenilazo) asid fenilarsonik] aminoquinazolina dan 2-metiltio-4-(2’-asid fenilarsonik) amino pirimidina berpotensi sebagai aktiviti antileukimia.

1.4 Kaedah Penentuan Sebatian Organoarsenik

Terdapat pelbagai kaedah analisis yang dapat digunakan bagi pemisahan dan penentuan sebatian organoarsenik. Antara kaedah yang telah digunakan ialah kromatografi, spektrofotometri dan elektroforesis kapilari (CE). Selain itu kaedah polarografi denyut pembeza dengan menggunakan elektrod titisan raksa dan kaedah voltammetri denyut pembeza menggunakan elektrod karbon pasta serta karbon pasta terubahsuai telah pula digunakan. Walau bagaimanapun, sesetengah kaedah analisis ini hanya dapat digunakan ke atas sebatian yang spesifik sahaja dan tidak dapat mengesan sebatian yang lain serta masing-masing kaedah mempunyai kelebihan dan kekurangan. Ringkasan penggunaan kaedah analisis bagi penentuan keenam-enam sebatian organoarsenik, iaitu: PAA, *p*-ASA, *o*-ASA, 4-NPAA, 3-NHPAA dan *p*-UPAA diberikan dalam LAMPIRAN A.

1.4.1 Kaedah Kromatografi Cecair

Kromatografi cecair prestasi tinggi (HPLC) merupakan kaedah yang paling banyak digunakan untuk memisahkan sebatian organoarsenik. Maruo *et al.* (1989) telah menggunakan kaedah HPLC bagi memisahkan tiga sebatian organoarsenik iaitu asid *para*-arsanilik (*p*-ASA), asid *erto*-arsanilik (*o*-ASA) dan asid *erto*-nitrofenilarsonik (*o*-NPA). Penimbal fosfat 5 mM pada pH 3.8 telah dipilih sebagai larutan pengelusi, dimana turus yang digunakan bersaiz 200 mm dengan diameter 0.5 mm. Pemisahan sebatian kajian memerlukan masa 40 minit dan pengesan ultra lembayung (UV) pada panjang gelombang 210 nm telah digunakan untuk mengesan masing-masing sebatian. Had pengesan yang diperolehi dengan merujuk kepada graf tentukuran piawai masing-masing bagi sebatian *p*-ASA, *o*-ASA dan *o*-NPA adalah sebesar 0.06, 0.07, 0.08 ppm atau 2.8×10^{-7} , 3.2×10^{-7} , dan 3.2×10^{-7} M. Kumpulan penyelidik yang lain (Croteau *et al.* 1994) telah menggunakan kaedah HPLC bagi mengesan kandungan 3-NHPAA pada ketiga-tiga ekstrak sampel (yang dilakukan dengan menggunakan ketuhar mikro-gelombang dalam pelarut campuran asid asetik glasial-ethanol) tisu otot, buah pinggang dan hati haiwan ternakan, dimana hasil yang diperolehi sebagai arsenik jumlah masing-masing adalah 0.5, 0.5 dan 2.0 ppm atau 6.7×10^{-6} , 6.7×10^{-6} dan 2.7×10^{-5} M. Selanjutnya, Dean *et al.* (1994), juga telah melaporkan hasil kajian bagi penentuan Roksarsona (3-NHPAA) di dalam tisu ayam menggunakan kaedah kromatografi cecair berprestasi tinggi plasma berganding secara aruhan-spektrometri jisim (HPLC-ICP-MS). Pengekstrakan sampel dilakukan dengan kaedah penghadaman enzymolisis tripsin pada pH 8 dan dilakukan pemisahan melalui kromatografi turus penukar anion pada pH 4 hingga 5. Kaedah ini memberikan had pengesan 0.025 ppm atau 1×10^{-7} M dengan perolehan semula mencapai 85 hingga 103 %.

Kajian dengan menggunakan kombinasi beberapa kaedah bagi pemisahan dan penentuan sebatian organoarsenik sebagai bahan tambahan dalam makanan haiwan ternakan juga telah dilaporkan oleh Pergantis dan rakan-rakan. Antara kombinasi kaedah yang digunakan adalah: kaedah kromatografi cecair berprestasi tinggi plasma berganding secara aruhan-spektrometri jisim (HPLC-ICP-MS) digunakan bagi pemisahan dan penentuan ketiga-tiga sebatian *p*-ASA, 3-NHPAA, dan 4-NPA (Pergantis *et al.* 1995). Didapati bahawa kaedah yang dibina dapat menjimatkan

penggunaan kuantiti sampel ($\leq 1 \mu\text{L}$). Seterusnya pemisahan dan penentuan sebatian 3-NHPAA, *p*-ASA, *p*-UPAA dan 4-NPAA juga dilakukan dengan menggunakan kaedah mikro-HPLC yang bertujuan untuk membandingkannya dengan kaedah HPLC konvensional. Pelbagai pengesan telah digunakan, seperti spektrofotometri serapan atom elektrotermal (ET-AAS), spektrometri jisim semburan terma (TSP-MS), spektrometri jisim suntikan cecair secara terus (DLI-MS) spektrometri jisim aliran berterusan (LSI-MS). Didapati bahawa dengan menggunakan pengesan spektrometri jisim suntikan cecair secara terus (DLI-MS) dan spektrometri jisim aliran berterusan (LSI-MS) memberikan hasil dengan kepekalaan yang tinggi dan lebih selektif berbanding dengan menggunakan pengesan yang lainnya (Pergantis *et al.* 1997a). Selanjutnya kaedah kromatografi cecair berprestasi tinggi mikrobar berganding dengan spektrometri jisim plasma secara aruhan ($\mu\text{HPLC-ICP-MS}$) digunakan bagi penentuan sebatian 3-NHPAA, *p*-ASA, 4-NPAA, 4-HPAA dan arsenik tak organik (arsenit dan arsenat). Pemisahan dilakukan menggunakan kromatografi cecair fasa terbalik (RP-HPLC). Dengan fasa bergerak yang terdiri daripada campuran asid trifluoroasetik (TFA) 0.1 % dengan metanol (5 - 15 %) v/v. Had pengesan yang diperolehi bagi masing-masing sebatian *p*-ASA, 4-HPAA, 3-NHPAA dan 4-NPAA adalah 0.10, 0.10, 0.12, 0.26 ppm atau 4.6×10^{-7} , 4.9×10^{-7} , 4.6×10^{-7} dan 1.1×10^{-6} M. (Pergantis *et al.* 1997b).

Satu lagi kajian telah dilakukan oleh Pergantis *et al* (1979c), iaitu terhadap sepuluh sebatian organoarsenik, termasuklah sebatian 3-NHPAA, *p*-ASA, *p*-UPAA dan 4-NPAA. Analisis dilakukan dengan menggunakan kaedah kromatografi cecair berprestasi tinggi mikrobar berganding dengan spektroskopi jisim elektrosemburangan ($\mu\text{HPLC-ES-MS}$). Penggunaan pengionan elektrosemburangan (ES) pula adalah untuk pencirian struktur sebatian organoarsenik. Kajian lainnya, iaitu pemisahan sebatian organoarsenik dengan kaedah HPLC-ICP-MS, sesuai dilakukan pada pH 6 dengan kadar aliran 0.7 mL min^{-1} dan diperolehi masa pemisahan bagi sebatian ini kurang daripada 2 minit. Hasil kajian ini telah dilaporkan oleh, Wangkarn dan Pergantis (2000). Manakala Jaafar (2001) telah melaporkan kajian penentuan sebatian 3-NHPAA, *p*-ASA, PAA dan *o*-ASA dengan menggunakan kaedah kromatografi cecair berprestasi tinggi-pasangan ion (HPLC-IP) dengan pengesan ultra-lembayung (UV). Pemisahan dilakukan menggunakan turus oktadesilsilika pada pH 5.9 di mana asid

malonik 5 mM telah digunakan bagi pengawalan nilai pH pada fasa bergerak dengan larutan tetrabutilammonium klorida 5 mM sebagai reagan pasangan ion (IP).

1.4.2 Kaedah Kromatografi Ion

Sebatian 3-NHPAA, *p*-ASA, DMA, MMA, As(III) dan As(V) telah dianalisis menggunakan kaedah kromatografi ion berganding spektrometri jisim secara aruhan (IC-ICP-MS) (Jackson dan Bertsch, 2001). Pemisahan sebatian dilakukan dengan menggunakan 3 jenis turus yang berbeza, iaitu turus Dionex AS 14, Dionex AS 16 dan Dionex AS 7 dengan larutan pengelusi masing-masing PO_4^{3-} , OH^- serta HNO_3 . Had pengesanan bagi masing-masing sebatian tersebut adalah kurang daripada $0.05 \mu\text{g L}^{-1}$. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa roksarsona merupakan spesies arsenik yang paling banyak ditemui melalui pengekstrakan sampel air industri peternakan.

1.4.3 Kaedah Kromatografi Gas

Weston *et al.* (1971), melaporkan kajian bagi penentuan sebatian *p*-ASA dan *p*-UPAA yang terdapat di dalam makanan haiwan ternakan menggunakan kaedah kromatografi gas dengan pengesan pengionan nyala. Kaedah ini tidak dapat mengesan sebatian *p*-UPAA secara langsung, kerana sebatian tersebut mengandungi kumpulan asid amino bebas. Sebatian ini perlu dihidrolisis terlebih dahulu dengan natrium hidroksida menjadi asid arsanilik. Selanjutnya kedua-dua sebatian ini perlu diturunkan kepada anilina dengan menggunakan aloi nikel-aluminium (42:58 w/w). Anilina yang terhasil diekstrak dan disuling dengan penyulingan wap dan seterusnya ditentukan dengan kromatografi gas dengan pengesan pengionan nyala. Selain itu kaedah ini tidak dapat memisahkan antara *p*-ASA dan *p*-UPAA serta tidak sesuai digunakan bagi menganalisis sebatian organoarsenik yang mengandungi kumpulan nitro. Kajian menggunakan kaedah kromatografi gas dengan pengesan penangkapan elektron (GC-ECD) bagi penentuan sebatian fenilarsonik juga telah dilaporkan (Haas

et al. 1998). Sebatian fenilarsonik ditindakbalaskan dengan merkaptan untuk menghasilkan sebatian terbitan yang lebih sensitif terhadap GC-ECD.

1.4.4 Kaedah Spektrofotometri

Analytical Methods Committee (1971), telah melaporkan kajian penentuan sebatian *p*-UPAA. Sebatian ini terlebih dahulu dihidrolisis dengan menggunakan natrium hidroksida menjadi asid arsanilik. Asid arsanilik yang terbentuk ditindakbalaskan dengan natrium nitrit dalam asid hidroklorik dan seterusnya digandingkan dengan N-1-naftilendiamina dihidroklorida menghasilkan warna kuning. Sampel berwarna yang terbentuk ditentukan dengan spektrometer pada panjang gelombang 542 nm dan diperolehi pengembalian semula sebanyak 90 hingga 93 peratus. Weshaw *et al.* (2003), telah menggunakan kaedah spektrofotometri jisim bagi mengidentifikasi 3-amino-4-hidroksifenil arsonik asid (3-amino-HPAA) yang merupakan salah satu hasil degradasi daripada 3-NHPAA. Kajian dilakukan melalui larutan berwarna merah hasil tindak balas 3-amino-4-NHPAA dengan tanah liat smektita.

1.4.5 Kaedah Spektrofotometri Serapan Atom

Kaedah spektrofotometri serapan atom relau grafit telah digunakan oleh sekumpulan penyelidik (George *et al.* 1982) bagi penentuan sebatian 3-NHPAA di dalam sampel makanan ternakan yang diekstrak dengan ammonium karbonat 1.0 %. Mereka mendapat bahawa kepekatan arsenik sangat rendah dapat dikesan iaitu sehingga 0.20 ppb dengan nilai perolehan semula 100.4 peratus dan sisihan piawai relatif (% RSD) 4.1 peratus. Begitu pula, sekumpulan penyelidik lain (Frahm *et al.* 1975) juga telah menggunakan kaedah spektrofotometri serapan atom dengan nyala gas asetilen dan lampu elektrod arsenik sebagai sumber elektrotermal bagi penentuan sebatian 3-NHPAA dalam sampel kajian. Mereka mendapat bahawa julat perolehan

semula adalah 99.7 hingga 100.4 peratus dengan julat pekali variasi di antara 0.35 hingga 0.63 peratus.

1.4.6 Kaedah Spektrofluorometri

Sebatian arsanilik asid (*p*-ASA) telah ditentukan menggunakan kaedah spektrofluorometrik–suntikan-aliran dan cerakinan dilakukan berdasarkan penguraian asid arsanilik dalam peroxydisulfat di bawah sinaran cahaya ultralembayung (UV). Tindak balas arsenat dengan molibdat dalam asid nitrit menghasilkan asid arsenomolibdik, iaitu sebatian yang mengoksidakan tiamina menjadi tiokrom. Seterusnya pengesahan analit dilakukan menggunakan sistem spektrofluorometrik pada panjang gelombang pendarflour 440 nm dan pengujian 375 nm. Had pengesahan yang diperolehi melalui kaedah ini mencapai $0.01 \mu\text{g mL}^{-1}$ atau $5 \times 10^{-8} \text{ M}$ (Ruiz *et al.* 2002).


1.4.7 Kaedah Elektroforesis Kapilari

Kaedah elektroforesis kapilari (CE) telah digunakan oleh Greschonig *et al.*, (1998) bagi penentuan dan pemisahan sebatian asid *p*-aminofenilarsonik (*p*-ASA), asid fenilarsonik (PAA), asid dimetilarsonik (DMA), asid monometilarsinik (MMA) serta Pemisahan dilakukan menggunakan kapilari silika dengan pengesan ultra lembayung (UV) pada panjang gelombang 200 nm. Larutan elektrolit penyokong yang digunakan adalah larutan fosfat 15 mM yang mengandungi natrium dodeksilsulfonat 10 mM pada pH 6.5. Begitu pula, sekumpulan penyelidik lain (Sun *et al.*, 2002) juga menggunakan kaedah CE bagi penentuan dan pemisahan arsenit (As (III)) dan arsenat (As (V)) serta sebatian asid monometilarsinik (MMA), asid dimetilarsonik (DMA), asid *p*-aminofenilarsonik (*p*-ASA), asid 3-nitro-4-hidroksifenilarsonik, asid 4-nitro-fenilarsonik, asid fenilarsonik (PAA) dan fenilarsin oksida (PAO). Pemisahan dilakukan pada panjang gelombang 192 nm dengan menggunakan kapilari silika dan buffer 20 mM NaHCO₃-Na₂CO₃ pH 10.0 sebagai

larutan elektrolit penyokong. Penyalutan kapilari silika secara dinamik telah dilakukan menggunakan poli diallydimetil ammonium klorida (PDDAC). Had pengesanan yang diperolehi bagi masing-masing sebatian adalah 1.62, 6.22, 1.45, 1.83, 0.34, 0.40, 0.40, 0.18 dan 0.30 ppm dengan perolehan semula dalam julat 78.8 – 108.3 %.

1.4.8 Kaedah Elektrokimia

Kajian elektrokimia sebatian organoarsenik dengan menggunakan kaedah polarografi telah bermula pada 1975 oleh Watson dan Svehla. Kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama (Watson dan Svehla, 1975a) menggunakan kaedah polarografi bagi penentuan dua belas sebatian asid arsonik. Antara sebatian organoarsenik yang dikaji ialah 3-NHPAA, *p*-ASA dan 4-NPAA. Mereka mendapati kajian sesuai dilakukan di dalam larutan elektrolit penyokong HCl 0.1 M pada pH 1.0. Polarogram bagi penentuan sebatian 3-NHPAA pada julat kepekatan 1×10^{-5} M hingga 1×10^{-3} M menunjukkan dua puncak penurunan pada kedudukan keupayaan -0.10 V dan -1.00 V (terhadap Elektrod Kalomel Tepu (SCE)) yang dikenal pasti sebagai puncak kumpulan nitro dan asid arsonik. Mereka juga mendapati bahawa sebatian fenilarsonik mempunyai mekanisma tindak balas penurunan yang kompleks. Mekanisma penurunan asid arsonik yang dicadangkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2. Mekanisma tindak balas penurunan sebatian asid arsonik telah dikaji menggunakan kaedah mikrokoulometri, untuk mengetahui bilangan elektron yang terlibat. Pada peringkat awal tindak balas, asid fenilarsonik (I) terturun kepada fenilarsin oksida (II) yang melibatkan dua elektron dan seterusnya memerlukan empat elektron untuk terturun kepada fenilarsin (III). Selanjutnya fenil arsin (III) yang terbentuk akan bertindak balas dengan fenilarsin oksida (II) dan menghasilkan arsenobenzena (IV) di mana nilai n bergantung kepada keadaan tindak balas yang sebenar bagi sebatian asid arsonik aromatik.



Rajah 1.2: Mekanisma tindak balas penurunan bagi kumpulan asid arsonik (Watson dan Svehla, 1975a).

Dalam bahagian kedua kajian mereka, Watson dan Svehla, (1975b) telah mengkaji perlakuan sebatian fenilarsin oksida. Mereka mendapati dua puncak penurunan dalam media beracid pada $\text{pH} < 2.0$ dengan julat kepekatan $1 \times 10^{-5} \text{ M}$ hingga $1 \times 10^{-4} \text{ M}$. Puncak-puncak tersebut masing-masing merupakan penurunan dalam bentuk monomer dan polimer daripada sebatian fenilarsin oksida di dalam larutan. Perbandingan ketinggian arus puncak bagi kedua-dua puncak tersebut ialah 3 : 2. Kehadiran anion-anion, seperti Cl^- , SO_4^{2-} , NO_3^- , PO_4^{2-} dan COOH^- didapati tidak mengganggu penentuan puncak penurunan sebatian fenilarsin oksida.

Selanjutnya dalam bahagian ketiga Watson dan Svehla, (1975c), telah melakukan kajian penentuan sebatian trifeniilarsin oksida. Hasil yang diperolehi pada julat kepekatan $2 \times 10^{-4} \text{ M}$ hingga $1 \times 10^{-3} \text{ M}$, menunjukkan satu puncak penurunan di dalam larutan elektrolit penyokong $\text{HCl} 0.1 \text{ M}$ yang mengandungi 0.01 % Triton X-100. Mereka juga mendapati bahawa proses penurunan yang terjadi bergantung kepada nilai pH. Berdasarkan kepada kajian menggunakan alat mikrokoulometri, didapati bahawa tindak balas penurunan sebatian trifeniilarsin oksida menghasilkan sebatian trifeniilarsin yang melibatkan satu elektron. Secara kuantitatif, sebatian ini dapat ditentukan dengan kehadiran trifeniilarsin menggunakan kaedah polarografi.

Kajian yang dilakukan oleh Andrew dan Geiger (1981), merupakan penyelidikan bagi penentuan sebatian asid benzene arsonik menggunakan kaedah polarografi. Larutan elektrolit penyokong yang digunakan ialah HCl-NaCl dan

penimbal Britton-Robinson (BR) 0.04 M. Hasil kajian menunjukkan bahawa penentuan asid benzenearsonik sesuai dilakukan dalam larutan yang berasid. Didapati juga bahawa asid benzenarsonik mempunyai mekanisma elektrod yang kompleks iaitu tidak hanya tergantung kepada pH dan kepekatan tetapi turut melibatkan pembentukan film atau lapisan terjerap pada permukaan elektrod. Kajian bagi penentuan asid 3-NHPAA dan 4-NPAA pada pH 1.0 mendapati dua puncak penurunan daripada kumpulan nitro dan asid arsonik masing-masing pada kedudukan keupayaan -0.10 V dan -1.10 V terhadap Elektrod Kalomel Tepu (SCE) pada julat kepekatan 1×10^{-6} M hingga 1×10^{-4} M.

Rahimah Jamaluddin (1999) telah melakukan kajian bagi penentuan sebatian 3-NHPAA dengan kaedah voltammetri berkitar, voltammetri denyut pembeza (DPV) dan voltammetri perlucutan anod denyut pembeza menggunakan elektrod titisan raksa tergantung dalam larutan elektrolit penyokong HCl 0.1 M. Daripada hasil kajian pada pH 1.0 diperolehi dua puncak penurunan, iaitu puncak kumpulan nitro dan asid arsonik masing-masing pada kedudukan keupayaan -0.01 V dan -1.00 V (terhadap Ag/AgCl (3.0 M KCl)) dan had pengesahan yang diperolehi bagi sebatian 3-NHPAA ialah 3.29×10^{-8} M.

Siti Morin Sinaga (2002), telah menjalankan kajian penentuan sebatian 3-NHPAA dan *p*-ASA dengan kaedah voltammetri berkitar (CV) dan voltammetri denyut pembeza (DPV) menggunakan elektrod pasta karbon dan pasta karbon terubahsuai. Hasil kajian bagi sebatian 3-NHPAA dengan kaedah CV imbasan katodik mendapati satu puncak penurunan tidak berbalik yang dikenal pasti sebagai puncak penurunan kumpulan nitro. Dengan voltammetri berkitar imbasan anodik, telah diperolehi satu puncak pengoksidaan tidak berbalik daripada kumpulan hidroksil. Dengan menggunakan elektrod pasta karbon, arus puncak maksimum di dalam larutan penimbal BR pada pH 4.0 telah diperolehi. Beliau juga mendapati bahawa resin penukar anion Amberlite LA2 merupakan bahan pengubah suai elektrod yang paling sesuai dan nilai pH 3.0 merupakan pH optimum bagi kaedah DPV. Had pengesahan yang diperolehi dengan menggunakan elektrod ini ialah 5×10^{-8} M. Bagi sebatian *p*-ASA menggunakan kaedah CV didapati satu puncak pengoksidaan yang dikenal pasti sebagai puncak pengoksidaan kumpulan amina. Ketinggian arus puncak maksimum diperolehi di dalam larutan penimbal BR pada

pH 7.0 dengan menggunakan kaedah DPV. Resin penukar anion Zerolit merupakan bahan pengubah suai elektrod yang paling sesuai bagi *p*-ASA dengan memberikan had pengesanan 5.46×10^{-8} M.

1.5 Kaedah Voltammetri

Voltammetri merupakan kaedah elektroanalisis di mana maklumat berkenaan analit diterbitkan melalui pengukuran arus sebagai fungsi keupayaan yang dikenakan kepada elektrod dalam keadaan yang mendorong pengutuban elektrod kerja (Skoog, *et al.* 1996). Sejarah awal perkembangan kaedah voltammetri bermula daripada perkembangan kaedah polarografi yang dipelopori oleh seorang ahli kimia yang berasal dari Republik Czech bernama Jaroslav Heyrovsky pada tahun 1922. Dengan penemuan ini beliau telah dianugerahi hadiah Nobel pada tahun 1959 (Heyrovsky dan Kuta, 1966). Perbezaan utama antara kaedah polarografi dan voltammetri ialah pada elektrod kerja. Kaedah polarografi menggunakan elektrod titisan raksa (DME) yang membentuk permukaan elektrod baru bagi setiap titisan raksa, manakala voltammetri menggunakan elektrod titisan raksa tergantung (HMDE) atau elektrod pepejal lain seperti platinum dan karbon sebagai elektrod kerja.

Dalam kaedah polarografi perbezaan diantara arus dan keupayaan secara berterusan, yang diukur terhadap elektrod rujukan seperti argentum-argentum klorida (Ag/AgCl) atau elektrod kalomel tenu (SCE) akan menghasilkan polarogram yang mempunyai bentuk sigmoid i-E. Pada keadaan yang maksimum (*plateau*), sebarang analit yang sampai ke permukaan elektrod akan serta merta mengalami tindak balas perpindahan elektron dan ketika itu kadar maksimum pembauran akan tercapai (Wang, 1994). Maklumat kuantitatif dan kualitatif tindak balas yang berlaku boleh diperolehi daripada keluk yang berhasil. Nilai arus menghad iaitu arus yang terbit daripada keterbatasan kadar pengangkutan analit daripada larutan pukal ke permukaan elektrod adalah berkadar dengan kepekatan analit di dalam larutan pukal dan nilai keupayaan setengah gelombang ($E_{1/2}$) merupakan ciri bagi spesies yang mengalami tindak balas redoks. Dalam kaedah polarografi, arus menghad dikenali sebagai arus resapan, kerana analit diangkut daripada pukal larutan ke

permukaan elektrod melalui proses resapan. Arus resapan ini merupakan perbezaan nilai diantara arus menghad dengan arus baki. Arus menghad berkadar dengan kepekatan analit melalui persamaan Ilkovic (Wang, 1994; Erwing, 1997; Harvey, 2000) menurut Pers. (1.1) iaitu:

$$i_d = 708nCD^{1/2}m^{2/3}t^{1/6} \quad \text{Pers. (1.1)}$$

Di mana : i_d = arus menghad (μA)
 n = bilangan elektron
 C = kepekatan analit (mM)
 D = pekali peresapan ($\text{cm}^2 \text{ s}^{-1}$)
 m = kadar aliran merkuri (mg s^{-1})
 t = masa titisan (s)

Persamaan Ilkovic di atas turut menerangkan kesan ciri-ciri elektrod titisan terhadap arus resapan. Arus mencas menghadkan kepekaan kaedah polarografi arus terus kepada julat kepekatan $5 \times 10^{-6} \text{ M}$ hingga $1 \times 10^{-5} \text{ M}$ (Wang, 1994). Melalui penggunaan kaedah polarografi denyut pembeza (DPP) pengesan suatu spesies boleh mencapai hingga ke tahap bahagian per billion (ppb). Ini kerana mod denyut pembeza adalah disebabkan oleh siri kadar kenaikan arus faraday melebihi arus bukan faraday (arus mencas).

Kaedah voltammetri boleh digunakan untuk mengkaji kepekatan analit menerusi perkaitan arus-keupayaan di dalam sel elektrokimia. Kaedah ini boleh digunakan bagi penentuan spesies tak organik dan spesies organik di mana molekul atau ionnya boleh mengalami penurunan atau pengoksidaan dalam berbagai media dan melalui proses penjerapan pada permukaan elektrod. Proses penurunan berlaku apabila keupayaan elektrod diubah ke arah lebih negatif manakala proses pengoksidaan berlaku apabila keupayaan elektrod diubah ke arah keupayaan lebih positif dan keupayaan yang dikenakan menggalakkan terjadinya pengutupan elektrod kerja. Kelebihan kaedah voltammetri antara lain ialah masa analisis yang singkat, penentuan serentak beberapa analit dapat dilakukan dalam satu imbasan, mudah digunakan, tidak memerlukan ruangan yang khusus dan kos peralatan lebih murah

berbanding dengan peralatan analisis yang lainnya seperti kromatografi cecair dan kromatografi cecair prestasi tinggi.


Terdapat beberapa kaedah voltammetri seperti voltammetri sapuan linear (LSV), voltammetri berkitar (CV), voltammetri denyut pembeza (DPV), voltammetri perlucutan anodik (ASV), dan voltammetri perlucutan katodik (CSV).

1.5.1 Sistem Tiga Elektrod


Secara umumnya kaedah voltammetri berfungsi dengan sistem tiga elektrod iaitu elektrod kerja, elektrod rujukan dan elektrod pelengkap yang direndamkan dalam larutan elektrolit penyokong di dalam sel voltammetri (Heyrovsky dan Kuta, 1996). Elektrod kerja adalah elektrod di mana tindak balas diharapkan berlaku dan menyebabkan spesies kimia (analit) yang hadir di dalam larutan akan mengalami pengoksidaan atau penurunan. Ciri utama elektrod kerja ialah luas permukaan yang kecil, nilai rintangan yang rendah dan permukaan yang boleh dijana semula (Wang, 1994; Harvey, 2000). Terdapat dua jenis elektrod kerja yang umum digunakan iaitu elektrod raksa dan elektrod pepejal. Elektrod raksa pula terdiri dari tiga jenis, iaitu: elektrod titisan raksa (DME) elektrod titisan raksa statik (SMDE) dan elektrod titisan raksa tergantung (HMDE). Elektrod raksa yang biasa digunakan ialah elektrod titisan raksa tergantung (HMDE) kerana permukaannya boleh diperbaharui secara automatik setiap kali sebelum keupayaan dikenakan

Elektrod rujukan ialah elektrod yang mempunyai nilai keupayaan yang tetap serta stabil terhadap perubahan kandungan larutan. Bagi tujuan eksperimen voltammetri, keupayaan elektrod kerja diukur relatif terhadap elektrod rujukan tersebut. Sebagai contoh, dua elektrod rujukan yang biasa digunakan adalah:

- (A). Elektrod argentum-argentum klorida (Ag/AgCl) dalam KCl 3.0 M dengan tindak balas menurut Pers. (1.2):



- (B). Elektrod kalomel tenu (SCE) dalam KCl tenu dengan tindak balas menurut Pers. (1.3):



Penggunaan larutan KCl untuk menjaga agar kepekatan klorida dan kedudukan keupayaan adalah tetap (Amatore, 1990; Gosser, 1994).


Elektrod pelengkap berfungsi untuk mengkonduksikan arus elektrik daripada sumber arus ke elektrod kerja melalui larutan elektrolit penyokong. Ini bertujuan menstabilkan keupayaan elektrod rujukan dan dalam masa yang sama elektrod pelengkap sendiri tidak mengambil bahagian dalam penentuan analit. Elektrod pelengkap biasanya disediakan daripada platinum, rod grafit atau dawai grafit yang digelung. Dengan ini, arus tidak mengalir melalui elektrod rujukan dan mengelakkan elektrod tersebut mengalami perubahan keupayaan (Kennedy, 1990; Skoog *et al.* 1996).

Dalam kaedah voltammetri, terdapat tiga mod laluan untuk spesies elektroaktif sampai ke permukaan elektrod, iaitu penghijrahan, perolakan dan peresapan (Wang, 1994, Skoog *et al.* 1996). Penghijrahan merupakan pergerakan analit bercas yang disebabkan oleh daya medan elektrik. Perolakan adalah pergerakan analit ke permukaan elektrod melalui cara pergerakan fizik pukal seperti cerun ketumpatan larutan dan pengadukan. Peresapan pula ialah pemindahan analit yang disebabkan oleh perbedaan kepekatan analit di antara lapisan tipis cecair di permukaan elektrod dengan pukal larutan (Wang, 1994). Dalam kaedah voltammetri analit hanya dibenarkan bergerak ke permukaan elektrod melalui proses resapan sahaja. Oleh itu kesan arus penghijrahan diminimumkan dengan penggunaan elektrolit penyokong yang terdiri daripada larutan elektrolit dengan kepekatan melebihi 50-100 kali ganda daripada kepekatan analit (Skoog *et al.* 1996). Ini bertujuan untuk meningkatkan kekonduksian arus elektrik di dalam larutan supaya pecahan arus yang dibawa oleh ion analit menghampiri sifar dan sekaligus mengurangkan kesan arus penghijrahan terhadap pergerakannya ke permukaan elektrod.

1.5.2 Elektrod Titisan Raksa Tergantung (HMDE)

Elektrod titisan raksa tergantung (HMDE) merupakan elektrod kerja yang paling popular dalam kaedah voltammetri berkitar dan voltammetri denyut pembeza kerana memberikan arus baki yang rendah dan julat keupayaan katodik yang lebar (Wang, 1994). Raksa mempunyai beberapa kelebihan sebagai elektrod kerja kerana memiliki voltan lampau hidrogen dalam julat keupayaan katodik. Sebagai contoh, julat keupayaannya dalam elektrolit akueus (1 M KCl) melawan SCE pada 25 °C adalah dari = 0.2 V hingga -1.8 V. Namun demikian, kelemahan utama elektrod merkuri sebagai elektrod kerja adalah disebabkan julat anodik yang terhad, kerana merkuri teroksida pada keupayaan +0.3 V melawan SCE (Bard, 1991; Fifield, 1995 dan Harvey, 2000).


Rajah 1.3, menunjukkan contoh elektrod raksa (EG & G Princeton Applied Research, 1984), yang dapat beroperasi sebagai elektrod titisan raksa (DME) dan elektrod titisan raksa tergantung (HMDE). Raksa diletakkan dalam kolam yang berlapis plastik di bahagian atas kapilari. Komponen elektrod yang terdiri dari omboh, spring penekanan yang hujungnya bersalut poliuretan berfungsi untuk menutup kapilari (ϕ 0.15 mm) bagi menahan aliran raksa. Pada masa tertentu signal dari sistem kawalan mengangkat omboh bagi mengaktifkan solenoid. Setelah denyutan 50, 100 atau 200 ms injap akan tertutup menyebabkan titisan raksa bersaiz besar terbentuk dengan cepat. Saiz titisan raksa adalah berkadar dengan denyut yang digunakan. Sistem ini mempunyai kelebihan dimana titisan raksa bersaiz besar terbentuk dengan cepat. Pengukuran arus ditangguhkan sehingga luas permukaan elektrod menjadi stabil dan tetap.



Rajah 1.3: Pandangan melintang dari elektrod raksa komersil (EG&G Princeton Applied Research, (1984).


1.5.3 Voltammetri Berkitar (CV)

Voltammetri berkitar adalah kaedah elektrokimia yang berupaya mengesan kehadiran spesies elektroaktif secara kualitatif pada permukaan elektrod. Kaedah ini digunakan dalam kajian tindak balas elektrokimia bagi kajian awal suatu spesies yang baru untuk mendapatkan maklumat berkenaan mekanisma tindak balas redoks yang terlibat di permukaan elektrod (Crow, 1994 ; Gosser, 1994). Dalam kaedah voltammetri berkitar, keupayaan yang dikenakan kepada elektrod kerja dibalikkan semula kepada nilai asal dengan perubahan masa untuk membentuk gelombang keupayaan tigasegi (Rajah 1.4).






Rajah 1.4: Isyarat penguajaan keupayaan terhadap masa.

Voltammogram yang berhasil memberi maklumat berkenaan proses pengoksidaan dan penurunan analit yang berlaku. Contohnya Rajah 1.5 mengilustrasikan tindak balas jangkaan bagi pasangan redoks berbalik bagi satu kitaran. Terdapat empat parameter yang digunakan bagi menilai keupayaan sesuatu spesies yang dikaji iaitu arus puncak anodik ($I_{p(a)}$), arus puncak katodik ($I_{p(c)}$), keupayaan puncak anodik ($E_{p(a)}$), dan keupayaan puncak katodik ($E_{p(c)}$). Jika analit terturun pada imbasan katodik (imbasan ke hadapan) dan terokside pada imbasan anodik (imbasan berbalik) proses ini dikenali sebagai proses berbalik. Sebaliknya proses tidak berbalik terjadi apabila analit hanya terturun pada imbasan katodik dan tidak terokside pada imbasan anodik. Tindak balas dikatakan berbalik apabila nilai arus puncak katodik ($I_{p(c)}$) dan anodik ($I_{p(a)}$) adalah sama. Bagi tindak balas kuasi berbalik, nilai $I_{p(c)}$ dan $I_{p(a)}$ tidak sama dan apabila nilai $I_{p(a)}$ bersamaan dengan sifar, maka tindak balas dikatakan tidak berbalik. Jadual 1.1 menunjukkan CV bagi penentuan kebolehbalikan tindak balas elektrokimia dipermukaan elektrod (Bond, 1980; Wang 1994; Crow, 1994; Gosser, 1994).



Rajah 1.5: Voltammogram berkitar bagi proses berbalik.

Jadual 1.1: Voltammetri berkitar bagi penentuan kebolehbalikan tindak balas elektrokimia di permukaan elektrod (Bond, 1980; Wang 1994).


Mekanisme	Model voltammogram	Kesan keupayaan (E_p) dan tinggi puncak (I_p)
Berbalik $A + ne \rightleftharpoons B$		$I_p \propto v^{1/2}$ $(I_p)_c / (I_p)_a = 1$ E_p tidak bergantung kepada v $\Delta E_p = 59/n \text{ mV}$
Tidak berbalik $A + ne \longrightarrow B$		$(I_p)_c \propto v^{1/2}, (I_p)_a = 0$ $(I_p)_c / (I_p)_a = 0$ E_p teranjak dengan pertambahan v
Quasi berbalik $A + ne \rightleftharpoons B$		$(I_p)_c / (I_p)_a \neq 1$ $\Delta E_p > 59/n \text{ mV}$

Voltammetri berkitar dengan kitaran lebih daripada satu kitaran kadangkala digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan keseimbangan dan perubahan kimia yang berlaku, walaupun kadangkala bagi sesetengah analit tidak banyak maklumat yang diperolehi berbanding dengan voltammetri berkitar dengan satu kitaran (Gosser, 1994). Dalam CV, kesan kadar imbasan merupakan salah satu parameter yang boleh menunjukkan keadaan tindak balas analit. Peningkatan nilai kadar imbasan dapat meningkatkan nilai puncak arus dalam pengukuran. Jika nilai log kadar imbasan ($\log v$) diplotkan melawan \log arus puncak ($\log I_p$) dan memberikan graf linear, dengan nilai kecerunan > 0.5 , hal ini menunjukkan bahawa arus resapan adalah dipengaruhi oleh proses penjerapan elektrokimia di permukaan elektrod (Gosser, 1994).

1.5.4 Voltammetri Denyut Pembeza


Voltammetri denyut mula diperkenalkan oleh Barker dan Jenkin, bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam analisis dan kaedah ini mampu merendahkan had pengesanan hingga kepekatan 10^{-8} M (Wang, 1994). Kemampuan voltammetri denyut merendahkan had pengesanan adalah disebabkan pengasingan arus faraday dan arus bukan faraday (arus mencas).

Kaedah voltammetri denyut yang paling luas digunakan ialah voltammetri denyut pembeza (DPV). Ia boleh digunakan dalam penentuan spesies organik dan tak organik pada kepekatan yang rendah (Wang, 1994). Dalam kaedah ini, satu siri denyut keupayaan akan diaplikasikan kepada elektrod kerja pada 40 – 60 ms. Apabila keupayaan dikenakan, arus mencas (I_c) mula menurun dengan cepat secara eksponen sehingga nilai yang sangat rendah dan pada masa yang sama arus faraday (I_f) menurun secara perlahan. Arus yang dirakam pada akhir denyut keupayaan ialah arus faraday, kerana penyusutan arus mencas lebih cepat berbanding dengan arus faraday (Rajah 1.6).



Rajah 1.6: Skema arus Faraday dan arus pengecasan melawan masa denyut.

Dalam kaedah voltammetri denyut pembeza, keupayaan yang dikenakan ke atas elektrod diubah secara linear pada masa yang sama satu denyut keupayaan yang tetap nilainya ($10 - 100 \text{ mV}$), ditindihkan secara berkala ke atas keupayaan linear tersebut. Arus dirakam sebanyak dua kali untuk setiap hayat titisan raksa iaitu 20 ms sebelum denyut dikenakan dan sebelum denyut berakhir. Perbezaan nilai arus tersebut diplotkan melawan keupayaan (Rajah 1.7) yang memberikan satu keluk perbezaan yang merupakan puncak arus terhasil untuk setiap spesies yang elektroaktif (Skoog et al. 1996; Wang, 1994).




Rajah 1.7: Isyarat pengujian bagi voltammetri denyut pembeza.

1.5.5 Voltammetri Perlucutan

Kaedah voltammetri perlucutan diperkenalkan oleh Wang pada pertengahan tahun 1950-an apabila beliau membina elektrod titisan raksa tergantung sebagai elektrod kerja. Prinsip kaedah voltammetri perlucutan melibatkan dua proses iaitu pengumpulan (prapemekatan) analit pada permukaan elektrod, diikuti dengan proses perlucutan analit daripada permukaan elektrod apabila dikenakan keupayaan yang lebih positif atau keupayaan yang lebih negatif (Wang, 1985; Esteban dan Casassas, 1994). Langkah pengumpulan pada permukaan terkawal merupakan proses pemekatan analit dari pukal larutan yang dikacau di permukaan elektrod. Langkah pengumpulan ini diikuti dengan masa tenang bagi membolehkan pembentukan analit yang seragam pada permukaan elektrod kerja tanpa sebarang perolakan (Rajah 1.8).


Terdapat dua jenis kaedah voltammetri perlucutan iaitu voltammetri perlucutan anodik (Anodic Stripping Voltammetry, ASV) dan voltammetri perlucutan katodik (Cathodic Stripping Voltammetry, CSV). Voltammetri perlucutan yang melibatkan pengumpulan pada keupayaan yang lebih positif dan diikuti dengan imbasan ke arah keupayaan yang lebih negatif dinamakan CSV dan sebaliknya ASV melibatkan pengumpulan pada keupayaan yang lebih negatif serta diikuti dengan imbasan ke arah keupayaan yang lebih positif.



Rajah 1.8: Urutan langkah dalam voltammetri perlucutan denyut pembeza.

1.5.5.1 Voltammetri Perlucutan Katodik (CSV)

Kaedah voltammetri perlucutan katodik digunakan secara meluas bagi penentuan sebatian organik dan tak organik yang dapat membentuk garam tak larut dengan merkuri (Wang, 1985). Sebatian organik yang elektroaktif dan membentuk satu atau dua puncak voltammogram biasanya melibatkan kumpulan berfungsi karbonil, asid karboksilik, perokksida, nitro, nitroso, amina oksida, azo, halogen organik, hidrokuinon dan merkaptan (Zuman, 1964). Kaedah ini merupakan kaedah yang sensitif sehingga dapat menentukan kepekatan analit pada tahap 10^{-11} M. Bagaimanapun, kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan, antaranya ialah kepilihan yang terhad, penspesiesan sukar dilakukan, julat kerja keupayaan yang terhad, sesuai bagi sampel akueus sahaja dan gas oksigen perlu dinyahkan terlebih dahulu daripada larutan analit (Esteban dan Casassas, 1994). Isyarat analisis yang berasal daripada penurunan analit pada permukaan elektrod dapat ditentukan secara langsung atau tidak langsung. Dalam penentuan secara langsung, langkah pengumpulan dilakukan pada keupayaan yang lebih positif pada permukaan elektrod merkuri. Merkuri akan terokksida dan membentuk garam tidak larut (HgA) dengan analit ($\text{A}^{\text{n}-}$) pada permukaan elektrod kerja (Persamaan 1.4). Langkah perlucutan dilakukan dengan mengimbas keupayaan ke arah negatif (Persamaan 1.5). Secara ringkas, proses prapemekatan boleh digambarkan seperti berikut (Wang, 1985):



Keterangan: Hg = Merkuri


$\text{A}^{\text{n}-}$ = Analit

HgA = Garam tidak terlarut


Penentuan tidak langsung, biasanya dilakukan bagi analit yang tidak elektroaktif dan terjerap lemah pada permukaan elektrod, analit akan membentuk kompleks yang elektroaktif sama ada dengan penambahan ligan pengkompleks atau ion logam dan kemudian terjerap pada permukaan elektrod. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah voltammetri penjerapan perlucutan (*Adsorptive Stripping*

Voltammetri, AdSV) (Kalvoda, 1984; Wang, 1985; Esteban dan Casassas, 1994). Pembentukan kompleks pada permukaan elektrod akan meningkatkan kepekaan elektrod terhadap sesuatu logam atau sebatian organik. Kaedah ini juga dapat mengesan lebih banyak logam berbanding dengan kaedah voltammetri anodik melalui pembentukan kompleks logam dengan ligan yang sesuai (Esteban dan Casassas, 1994). Neiman dan Dracheva (1990) telah mencadangkan empat mekanisma penjerapan yang mungkin berlaku pada pembentukan kompleks logam terjerap pada permukaan elektrod. Secara umum, jika ion logam (M^{n+}) dan ligan (L) membentuk kompleks ML_n^{n+} yang mempunyai sifat permukaan yang aktif, maka kompleks logam dapat terjerap pada permukaan elektrod melalui salah satu mekanisma berikut :


1. Tindak balas ion logam (M^{n+}) dengan ligan (L) di dalam larutan



Kompleks tersebut kemudiannya terjerap pada permukaan elektrod






2. Penjerapan ligan di permukaan elektrod






Ligan yang terjerap (nL) bertindak balas dengan logam (M^{n+})



3. Proses penurunan atau pengoksidaan secara elektrokimia ion logam (M^{n+}) membentuk kompleks permukaan aktif dengan ligan (L)



4. Proses penjerapan ligan pada permukaan elektrod berlaku serentak dengan penurunan atau pengoksidaan logam dan seterusnya terjerap



1.5.5.2 Voltammetri Perlucutan Anodik (ASV)

Kaedah voltammetri perlucutan anodik merupakan kaedah perlucutan pertama yang dibangunkan pada tahun 1950 yang merupakan kaedah terbaik untuk mengesan dan mengenalpasti unsur surihan dalam sampel alam sekitar (Florence, 1992). Kaedah ASV sangat berkesan bagi logam yang melarut dalam merkuri dengan membentuk amalgam. Keupayaan pengumpulan biasanya 0.3 V hingga 0.5 V lebih negatif daripada keupayaan piawai elektrod bagi ion logam sasaran yang paling sukar diturunkan (Van Der Berg, 1991). Proses prapemekatan yang berlaku melibatkan pengumpulan ion logam yang terturun pada elektrod iaitu apabila keupayaan dikenakan lebih negatif daripada keupayaan penurunan piawai logam untuk membentuk amalgam dengan merkuri. Proses perlucutan seterusnya dilakukan dengan mengimbas keupayaan ke arah positif yang bermula daripada keupayaan semasa prapemekatan. Ion logam yang telah terturun dan membentuk amalgam dengan merkuri akan teroksida dan kembali membentuk ion logam dalam larutan. Proses pengoksidaan ini akan menghasilkan arus yang berkadar dengan kepekatan logam dalam pukal larutan (Esteban dan Casassas, 1994). Secara umumnya, tindak balas yang berlaku ketika proses prapemekatan dan perlucutan digambarkan sebagai berikut :



Keterangan:

M^{n+} = Logam

Hg = Merkuri

MHg = Amalgam

Logam yang biasa dikesan melalui kaedah ini ialah zink (Zn), plumbum (Pb), kadmium (Cd) dan kuprum (Cu) (Van der Berg, 1991; Fogg, 1994).

1.6 Tindak Balas Pendiazoan Dan Pengkupel Gandingan

Tindak balas pendiazoan merupakan tindak balas antara amino aromatik primer dengan asid nitrous pada suhu 0 hingga 5 °C yang menghasilkan garam diazonium. Diazonium berasal dari kata azot dalam bahasa Prancis berarti nitrogen. Garam diazonium ditemukan pada tahun 1858 oleh Johan Peter Gries dan lima tahun kemudian pewarna azo yang banyak digunakan dalam industri tekstil dihasilkan (Fessenden dan Fessenden, 1994; Zollinger, 1991). Tindak balas pendiazoan merupakan tindak balas eksotermik. Adalah dicadangkan bahawa tindak balas dilakukan dalam kukus air kerana suhu yang rendah dapat meminimumkan kadar penguraian ion diazonium sebelum tindak balas pengkupel gandingan berlaku (Morrison dan Boyd, 1973; Rodrigues dan Barros, 1995). Jika larutan garam diazonium ditambahkan dengan asid akueus, gas nitrogen terbebas dan fenol terbentuk. Proses pendiazoan yang sempurna dan lancar boleh berlaku sebaik sahaja penambahan nitrit. Penambahan nitrit yang berlebihan akan mempengaruhi kesetabilan garam diazonium dan mungkin boleh membentuk sebatian nitroso bila ditindak balaskan dengan naftol. Kehadiran nitrit yang berlebihan boleh disingkirkan dengan penambahan urea atau asid sulfamik (Zollinger, 1991). Akan tetapi, keperluan bagi penggunaan asid sulfamik bagi tujuan penyingkiran nitrit yang berlebihan masih menjadi perbincangan (Rodrigues dan Barros, 1995).

Ion arildiazonium bersifat elektrofil dan jika ditindakbalaskan dengan gelang aromatik yang diaktifkan akan menghasilkan sebatian dengan formula am Ar–N=N–R' yang dikenali sebagai sebatian azo (Morrison dan Boyd, 1992; Mifflin, 1983). Tindak balas ini dikenali sebagai tindak balas azopengkupelan (pendiazoan dan pengkupel gandingan) dan kedua-dua gelang aromatik digabungkan oleh azo atau -N=N-. Penggandingan pada kedudukan *para* adalah yang paling mungkin (Morrison dan Boyd, 1992; Fessenden dan Fessenden, 1994). Oleh kerana kation diazonium merupakan elektrofil yang sangat lemah, maka penggandingan berlaku dalam keadaan alkali (Tedder dan Nechvatal, 1983). 1-Naftol merupakan agen pengkupel gandingan yang biasa digunakan kerana sebatian ini adalah stabil dalam larutan beralkali. Selain itu, pengkupel gandingan garam diazonium dengan 1-naftol menghasilkan sebatian azo berwarna yang stabil dan bersifat elektroaktif (Moreira dan Fogg, 1991). Penyediaan larutan 1-naftol dengan melarutkannya dalam air

ternyahion tidak digalakkan kerana keterlarutannya yang rendah dalam air (Rodrigues dan Barros, 1995).

1.6.1 Kajian Voltammetri Tindak Balas Pendiazoan Dan Pengkupel Gandingan

Tindak balas terbitan telah digunakan secara meluas dalam kimia analisis, dengan tujuan untuk meningkatkan kepilihan analit yang dikaji (Moreira dan Fogg, 1991). Antara tindak balas terbitan yang sering digunakan ialah tindak balas pendiazoan dan pengkupel gandingan. Beberapa kajian elektroanalisis melalui tindak balas pendiazoan dan pengkupel gandingan bagi pembentukan sebatian azo berwarna telah dilakukan diikuti dengan penentuan menggunakan pelbagai kaedah, contohnya ialah penentuan sebatian sulfonamida dengan pengkupel gandingan 1-naftol dan ditentukan menggunakan kaedah polarografi (Fogg dan Ahmed, 1974). Melalui pendekatan ini sebatian sulfonamida, sulfatiazol dan sulfasetamida dapat dikesan pada kepekatan 5×10^{-8} hingga 2×10^{-6} M serta sebatian sulfaguanidin pada kepekatan 1.2×10^{-7} hingga 2×10^{-6} M. Manakala kajian sebatian sulfatiazol dengan kaedah voltammetri penjerapan melalui tindak balas pendiazoan juga turut dilaporkan (Fogg dan Lewis, 1986). Tindak balas dilakukan dalam kukus ais dan diperlukan masa 80 minit bagi pembentukan sebatian azo. Didapati puncak penurunan sebatian azo pada keupayaan -790 mV (terhadap Ag/AgCl (3.0 M KCl)) dengan nilai pH 12.4 dan keupayaan pengumpulan pada keupayaan -150 mV. Seterusnya Rodrigues dan Barros (1995) telah mengkaji penentuan anilina dengan kaedah voltammetri perlucutan penjerapan melalui tindak balas pendiazoan dengan pengkupel gandingan 1-naftol. Dengan masa pengumpulan 2 minit, kaedah ini memperolehi had pengesanan $0.8 \mu\text{g l}^{-1}$. Penentuan nitrit dengan kaedah ini juga telah dilaporkan (Fogg dan Alonso, 1988). Selain itu kaedah tindak balas pendiazoan dan pengkupel gandingan dengan sebatian asid sulfanilik terdiazotasi (DSA) terhadap sebatian tirosina dan histidina juga telah dikaji (Moreira dan Fogg, 1991). Melalui proses pendiazoan pada pH 9.2 ketinggian puncak maksimum diperolehi dengan masa tindak balas 60 minit. Maklumat ini menunjukkan bahawa tindak balas

pendiazoan dan pengkupel gandingan boleh dilakukan bagi sebatian organoarsenik, memandangkan sesetengah sebatian ini mengandungi kumpulan berfungsi amina.

1.7 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian literature seperti yang dinyatakan dalam Bab I ini menunjukkan bahawa maklumat mengenai kaedah penentuan menggunakan voltammetri dan sifat elektrokimia sebatian organoarsenik khususnya asid *para*-arsanilik (*p*-ASA), asid 4-nitrofenilarsonik (4-NPAA), asid *para*-ureidofenilarsonik (*p*-UPAA), asid 3-nitro-4-hidroksifenilarsonik (3-NHPAA), asid *ortho*-arsanilik (*o*-ASA) dan asid fenilarsonik (PAA) pada elektrod raksa masih amat kurang. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi membangunkan kaedah baru berdasarkan kaedah voltammetri menggunakan elektrod titisan raksa tergantung bagi sebatian organoarsenik tersebut. Kaedah voltammetri dengan elektrod titisan raksa tergantung dipilih kerana beberapa kelebihan dari segi kos yang rendah dan operasi yang mudah berbanding beberapa kaedah lain seperti yang dinyatakan pada muka surat 10 hingga 17. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti kesan berbagai parameter eksprimen terhadap voltammogram sebatian organoarsenik tersebut serta mengoptimumkannya bagi tujuan mendapatkan keadaan terbaik bagi tujuan penentuan sebatian tersebut secara kuantitatif. Dalam keadaan tertentu, kaedah analisis diubah suai melalui tindak balas pendiazoan kepada beberapa sebatian organoarsenik yang mempunyai kumpulan berfungsi amina.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian yang dilakukan adalah meliputi:

- 1) Kajian terhadap perlakuan voltammetri berkitar dan voltammetri perlucutan dengan menggunakan elektrod titisan raksa tergantung (HMDE) terhadap sebatian *p*-ASA, 4-NPAA, *p*-UPAA, 3-NHPAA, *o*-ASA dan PAA. Parameter eksprimen kaedah voltammetri berkitar yang dioptimumkan adalah kesan kitaran yang berterusan dan kesan kadar imbasan.

- 2) Kajian voltammetri perlucutan katodik dan voltammetri perlucutan anodik terhadap sebatian *p*-ASA, 4-NPAA, *p*-UPAA, 3-NHPAA, *o*-ASA dan PAA menggunakan elektrod titisan raksa tergantung. Beberapa parameter eksprimen dioptimumkan, termasuk kesan keupayaan pengumpulan, kesan pH, kebolehulangan penghasilan arus puncak, kesan masa pengumpulan, kesan kepekatan dan kesan gangguan. Penentuan had pengesanan bagi sebatian kajian juga dilakukan.
- 3) Kajian voltammetri perlucutan katodik melalui tindak balas pendiazoan bagi sebatian *p*-ASA dan *o*-ASA. Kesan parameter tindak balas dioptimumkan, iaitu: kesan media tindak balas, kesan masa dan suhu tindak balas pendiazoan, kesan bahan pengkupel gandingan, kesan masa tindak balas pengkupel gandingan dan kesan parameter eksprimen kaedah voltammetri perlucutan katodik yang digunakan meliputi: kesan masa pengumpulan, kesan keupayaan awal, kesan keupayaan pengumpulan, kesan kepekatan dan kesan gangguan.
- 4) Kaedah yang telah dibina, diaplikasikan kesesuaianya bagi penentuan sebatian *p*-ASA, 4-NPAA, *p*-UPAA, 3-NHPAA, *o*-ASA dan PAA di dalam sampel sebenar iaitu dedak makanan ayam, air minuman ayam dan hati ayam.

RUJUKAN

- Ahmad, R., Barek, J., Yusoff, A.R.H.M., Sinaga, S. M. dan Zima, J (2000). “Determination of Roxarsone Using Carbon Paste and Amberlite LA2 Modified Carbon Paste Electrode.” *Electroanalysis*. **12**: 1220-1226.
- Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. (Akta 281), (1995). Kuala lumpur: MDC.
- Alvarez, R. (1983). “NBS Standard Reference Materials Certified For Arsenic.” Dalam: Lederer, W. H. dan Fensterheim, R. J. (Eds.). Arsenic: Industrial, Biomedical, Environment Perspectives. Proceeding of the Arsenic Symposium. New York: Van Nostrand Reinhold Company: 112-117.
- Amatore, C. (1990). “Basic Concepts.” dalam Lund, H. dan Baizer, M. M. (Eds.). Organic Electrochemistry. Third Edition. New York: Marcel Dekker Inc.
- Analytical Methods Committee (1971). “Determination of Carbarsone in Animal Feed.” *Analyst*, **96**: 817–823.
- Anderson, C. E. (1983). “Arsenical as Feed Additives for Poultry and Swine.” Dalam: Lederer, W. H. dan Fensterheim, R. J. (Eds.). “Arsenic: Industrial, Biomedical, Environment Perspectives.” Proceeding of the Arsenic Symposium. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Andreae, M. O. (1986). “Organotin Compounds in the Environment.” Dalam: Craig P. J. (Eds.). Organometallic Compounds in the Environment. Essex: Longman Group Limited: 198–223.
- Andrews, M. dan Geiger, W. E.(1981). “Voltammetric Determination of Agriculturally Significant Benzenearsonic Acids.” *Anal. Chim. Acta*, **132**: 35–41.
- Arnold, W. (1988). “Arsenic.” dalam: Seiler, G. H., Sigel, H. dan Sigel, A. (pynt.), *Handbook on toxicity of inorganic compounds*. New York dan Basel, Marcel Dekker, Inc.
- Aschbacher, P. W. dan Feil, V. J. (1991). “Fate of [¹⁴C] Arsanilic Acid in Pigs and Chickens.” *J. Agric. Food Chem.*, **39**: 146–149.

- Aswathanarayana, U. (1995). "Geoenvironment : An Introduction." Rotterdam: AA Balkema.
- Bard, A. J., dan Faulkner, L. R. (1980). "Electrochemical Methods Fundamentals and Applications, Wiley, New York
- Bard, A. J. (Ed.) (1991). "Electroanalytical Chemistry." Vol. 16, New York: Marcel Dekker Inc.
- Barek, J., Pacakova, V., Stulik, K. dan Zima, J. (1985). "Monitoring of Aromatic Amines by HPLC with electrochemical detection." *Talanta*, **32**: 279-283.
- Bednar, A. J., Garbarino, J. R., Ferrer, I., Rutherford, D. W., Wershaw, R. L., Ranville, J. F., dan Wildeman, T. R. (2003). "Photodegradation of Roxarsone in Poultry Litter Leachates." *The Science of The Total Environment*, **302**: 237-245.
- Bess, R. C., Irgolic, K. J., Flannery, J. E. dan Ridgway, T. H. (1977). "Polarographic Reduction of Aromatic Arsonic and Arsinic Acids" *Anal. Lett.*, **10**: 415-418.
- Bess, R. C., Irgolic, K. J., Flannery, J. E. dan Ridgway, T. H. (1978). "Polarographic Reduction of Alkylarsonic and Dialkylarsinic Acids" *Anal. Lett.*, **12**: 1091-1097.
- Bond, A. M. (1980). "Modern Polarographic Method in Analytical Chemistry." New York: Marcel Dekker Inc.
- Branch, S., Ebdon, L., Ford, M., Foulkes, M. dan O'Neill, P. (1991). "Determination of Arsenic in Samples with Chloride Content by Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry." *J. Anal. At. Spectrom.*, **6**: 151–154.
- Brooks, R. R., Ryan, D. E. dan Hanfei Zhang (1981). "Atomic Absorption Spectrometry and Other Instrumental Methods for Quantitative Measurements of Arsenic." *Anal. Chim. Acta*, **131**: 1–16.
- Callahan, K., Slimak, M., Gabel, N., May, C., Fowler, C., Freed, J., Jennings, P., Durfee, R., Whitmore, Maestri, B., Mabey, W., Holt, B. dan Gould, C. (1979). "Water-Related Environmental Fate of 129 Priority Polutan." Volume I: Introduction and Technical Background, metals and inorganics, pesticides and PCBs. EPA-440/4-79-029a, EPA Contracts 68-01-3852 and 68-01-3867, Office of Water Planning and Standards, U. S. Environmental Protection Agency, Washington, DC.
- Calvert, C. C. (1974). "Arsenicals in Animal Feeds and Wastes." Dalam. Woolson, E. A. (Ed.). Arsenical Pesticides. ACS Symposium Series 7. Washington D. C.: American Chemical Society.
- Chapman, H. D. (2001). "Use of Anticoccidial Drugs in Broiler Chickens in the USA: Analysis for the Years 1995 to 1999." *Poultry Science*, **80**: 572-580.

- Chapman, H. D. dan Jhonson, Z. B. (2002). "Use of Antibiotics and Roxarsone in Broiler Chickens in the USA: Analysis for the Years 1995 to 2000." *Poultry Science*, **81**: 356-364.
- Cody, M. K., Clark, G. B., Conway, B. O. B. dan Crosby, N. T. (1990). "Identification of Medicinal Additives in Animal Feedingstuff by High Performance Liquid Chromatography." *Analyst*, **115**: 1-7.
- Crosby, N. T. (1991). "Determination of Veterinary Residues in Food." New York: Ellis Horwood.
- Croteau, L. G., Akhtar, M. H., Belanger, J. M. R. dan Pare, J. R. J. (1994). "High Performance Liquid Chromatography Determination Following Microwave Assisted Extraction of 3 Nitro 4 Hydroxyphenylarsonic Acid from Swine Liver, Kidney and Muscle." *Journal of Liquid Chromatogr.*, **17**: 2971-2981.
- Crow, D. R. (1994). "Principles and Application of Electrochemistry." Fourth Edition. London: Blackie Academic & Professional.
- Cullen, W. R. dan Reimer, K. J. (1989). "Arsenic Speciation in the Environment." *Chem. Rev.*, **89**: 713-764.
- Dean, J. R., Ebdon, I., Foulkes, M. E., Crews, H. M. dan Massey, R. C. (1994). "Determination of the Growth promoter 4-Hydroxy-3-Nitrophenyl-Arsonic Acid in Chicken Tissue by Coupled High Performance Liquid Chromatography-Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry." *J. Anal. At. Spectrom.*, **9**: 615-618.
- Esteban, M. dan Casassas, E. (1994). "Stripping Electroanalytical Techniques in Environtmental Analysis." *Trends in Anal. Chem.*, **13**: 110-117.
- Ewing, G. W (Ed). (1997). "Analytical Instrumentation Handbook: Revised and Expanded." 2nd Ed, Marcel Dekker, New. York.
- Ferreira, M. A. dan Barros, A. A. (2002). "Determination of As(III) and Arsenic (V) in Natural Waters by Cathodic Stripping Voltammetry at a Hanging Mercury Drop Electrode." *Anal. Chim. Acta*, **459**: 151-159.
- Fessenden, F. J. dan Fessenden, J. S. (1994). "Organic Chemistry." California, Brooks and Cole Publishing Company.
- Fifield, F. W. dan Haines, P. J. (Eds.) (1995). "Environmental Analytical Chemistry." Great Britain: Blackie Academic & Professional.
- Fitzgerald, L. D. (1983). Arsenic Source, Production and Application in the 1980's. Dalam: Lederer, W. H., Fensterheim, R. J. (Ed.). "Arsenic: Industrial, Biomedical, Environmental Perspectives". Ontario: Van Nostrand Reinhold Company Inc.

- Florence, T. M. (1992). "Trace Metal Speciation by Anodic Stripping Voltammetry". *Analyst*, **117**: 551–553.
- Fogg, A. G. dan Ahmed, Y. Z. (1974). "Determination of Submicromolar Concentration of Sulphonamide by Differential Pulse Pholagraphy After Diazozitation and Coupling With 1-Naftol." *Analytical Chim. Acta*, **70**: 241–244.
- Fogg, A. G. (1994). "Adsorptive Stripping Voltammetry or Cathodic Stripping Voltammetry, Methods of Accumulation and Determination of Stripping Voltammetry. " *Anal. Proc.*, **31**: 313–317.
- Fogg, A. G. dan Alonso, R. M. (1988). "Differential-pulse Adsorptive Stripping Voltammetric method for the Determination of Nitrite at ppb levels after Diazotisation of Aniline Determination of Aromatic Amines." *Analyst*, **113**: 1337–1338.
- Fogg, A. G. dan Lewis, J. M. (1986). "Use of Derivatisation Reaction with Adsorptive Stripping Voltammetry. Diazotisation and Coupling of Aromatic Amine. Communication." *Analyst*, **111**: 1443–1444.
- Fowler, B. A. (1983). "Topics in Environmental Health Biological and Environmental Effects of Arsenic". 6th Ed. Amsterdam: Elsevier.
- Frahm, L. J., Albrecht, M. E. dan McDonnell, J. P. (1975). "Atomic Absorption Spectrophotometric Determination of 4-Hydroxy-3-Nitrobenzenearsonic Acid (Roxarsone) in Premix." *Journal Of The AOAC.*, **58**: 945–948.
- Fry, F. J. (1972). "Synthetic Organic Electrochemistry." New York, Harper and Row, Publishers, Inc.
- Frust, A. (1983). A New Look at Arsenic Carcinogenic. Dalam: Lederer, W. H. and Fensterheim, R. J. (Eds.). "Arsenic: Industrial, Biomedical, Environment Perspectives". Proceeding of the Arsenic Symposium. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Garbarino, J. R., Bednar, A. J., Rutherford, D. W., Beyer, S. R. dan Wershaw, R. L. (2003). "Environmental Fate of Roxarsone in Poultry Litter. I. Degradation of Roxarsone during Composting". *J. Environ. Sci. Technol.*, **37**: 1509–1514.
- George, G. M., Frahm, L. J. dan McDonnell, J. P. (1982). "Graphite Furnace Atomic Atomic Absorption Spectrophotometric Determination of 4-Hydroxy-3-Nitrobenzenearsonic Acid other Organic Arsenicals and Inorganic Arsenic in Finished Animal Feed". *J. Assoc. Off. Anal. Chem.*, **65**: 711–719.
- Gong, Z., Lu, X., Ma, M., Watt, C. dan Le. C.X. (2002). " Arsenic Speciation Analysis". *Talanta*, **58**: 77–96.
- Gosser, D. K. (1994). CV, "Simulation and Analysis of Reaction Mechanism." New York: VCH Publisher Inc.

- Greschonig, H., Schmid, M. G. dan Gubitz, G. (1998). "Capillary Electrophoretic Separation of Inorganic and Organic Arsenic Compounds." *Fres. J. Anal. Chem.*, **362**: 218-223.
- Greulach, U. dan Henze, G. (1995). "Analysis of Arsenic(V) by Cathodic Stripping Voltammetry". *Anal. Chim. Acta*, **306**: 217–223.
- Haas, R., Schmidt, T. C. dan Low, K. S. E. (1998). "Chromatographic Determination of Phenylarsenic Compounds". *Fres. J. Anal. Chem.* **361**: 313-318.
- Harvey, D. (2000). "Modern Analytical Chemistry" McGraw Hill, USA.
- Henry, F. T., Kirch, T. O. dan Thorpe, T. M. (1979). "Determination of Trace Level Arsenic(III), Arsenic(V) and Total Inorganic Arsenic by Differential Pulse Polarography." *Anal. Chem.* **51**: 215–218.
- Henry, F. T. dan Thorpe, T. M. (1980). "Determination of Trace Arsenic(III), Arsenic(V), Monomethylarsonate and Dimethylarsinate by Differential Pulse Polarography After Separation by Ion Exchange Chromatography". *Anal. Chem.*, **52**: 80–83.
- Heyrovsky, J. dan Kuta, J. (1966). "Principle of Polarography". New York, Academic Press, Inc.
- Heyrovsky, J. dan Zuman, P. (1969). "Practical Polarography". London: Academic Press Inc.
- Holemon, A. dan Stibilj, V. (1997). "Arsenic Residues in Eggs from Laying Hens with a Diet Containing Arsenic (III) Oxide". *Arch. Environ. Contam. Toxicol.*, **32**: 407-410.
- Huang, R. N., Yeh, H. Y., Cheng, S. C., Chow, L. P. dan Lee, T. C. (2000). "Arsanilic Acid-Sepharosa Chromatography of Pyruvate Kinase From KB Cells". *J. of Chromatogr. B.*, **740**: 109-116.
- Irgolic, K. J., Stockton, R. A. dan Chakraborti, D. (1983). Determination of Arsenic and Arsenic Compounds in Water Supplies. Dalam: Lederer, W. H. dan Fensterheim, R. J. (Eds.). "Arsenic: Industrial, Biomedical, Environment Perspectives". Proceeding of the Arsenic Symposium. New York: Van Nostrand Reinhold Company: 282–300.
- Jaafar, J. (2001). "Separation of Phenylarsonic Compounds by Ion Pairing-Reversed Phase-High Performance Liquid". *Journal Teknologi*. **35 (c)**: 81-90.
- Jackson, B. P. dan Bertsch, P. M., (2001). "Determination of Arsenic Speciation in Poultry Wastes by IC-ICP-MS". *Environ. Sci. Technol.* **35**: 4868-4873.
- Kalvoda, R. (1984). "Adsorptive Stripping Voltammetry of Electroactive Organic Compounds". *Anal. Chim. Acta*, **162**: 197–205.

- Kennedy, J. F. (1990). "Analytical Chemistry Principles." Second Edition New York: Saunders College.
- Larsen, E. H., Pritzl, G. dan Hansen, S. H. (1993). "Speciation of Eight Arsenic Compound in Human Urine by High-Performance Liquid Chromatography with Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometric Detection Using Antimonate for Internal Chromatographic Standardization". *J. Anal. At. Spectrom.*, **8**: 557–563.
- Le, Xiao-Chun, Cullen, W. dan Retmer, K. J. (1994). "Speciation of Arsenic by HPLC with Hydride Generation Atomic Absorption Spectrometry and Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry Detection". *Talanta*, **42**: 495–502.
- Liu, Xing-Ping, Narla, R. K. dan Uckun, F. M. (2003). "Organic phenyl arsonic acid Compounds with potent antileukemic activity". *Bioorganic and Medicinal Chemistry Letters*, **13**(3): 581–583.
- Lowry, J. H., Smart, B. R., dan Mancy, K. H. (1978). "Differential Pulse Polarography of Phenylarsine Oxide." *Anal. Chem.*, **50**: 1303-1309.
- Lucy, C. A. (1998). CV, "What are the unanewere (and unasked) question in analysis." *Journal of Chromatography A*. **804**: 3-15.
- Lund, H. (1990). "Cathodic Reduction of Nitro Compound." Dlm. Lund, H dan Baizer, M. M. (Eds.). "Organic Electrochemistry." Third Edition. New York: Marcel Dekker Inc.
- Lyne, A. R. dan Lott, A. F. (1984). Inhibitory Substance in Animal Feeds: Experiences Over the Past Five Years." dalam. Woodbine, M. (Ed.). "Antimicrobial and Agriculture. The Proceeding of the 4th. International Symposium on Antibiotics in Agriculture: Benefits and Malefits." London: Butterworth.
- Maruo, M., Hiramaya, N., Wada, H. dan Kuwamoto, T. (1989). "Separation and Determination of Organoarsenic Compounds with a Microbore Column and Ultraviolet Detection". *Journal of Chromatogr.*, **466**: 379-383.
- McComish, M. F. dan Joo, H. O. (1988). Trace metals. Dalam: Bodek, I., Lyman, W. J., Reehl, W. F. dan Resenblatt, D. H. (Pnyt.). *Environmental inorganic chemistry: Properties, processes and estimation methods*. New York: Pergamon Press.
- Mifflin Co, H. (1983). "Organic Chemistry, a Short Course". Michigan State University, Harold Hart.
- Miller, J. H. dan Miller, J. N. (1984). "Statistic For Analytical Chemistry". 2 nd Ed., New Work: John Wiley and Sons.

- Mohammad Aziz Hj. Taib (1993). "Peranan Sains Veterinar di Bidang Keselamatan Makanan". Dalam: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia. Isu-isu Semasa Sains dan Teknologi. Kuala Lumpur: Persatuan Ahli-Ahli Sains Malaysia.
- Morehouse, N. F. dan Mayfield, O. J. (1946). "The Effect of Some Aryl Arsonic Acid on Experimental Coccidiosis Infection in Chickens". *J. Parasitol.*, **32**: 20–24.
- Moreira, J.C, and Fogg, A.G. (1991). "Differential-pulse Adsorptive Stripping Voltammetry Determination of Tyrosine and Histidine at Hanging Mercury Drop Electrode After Coupling With Diazotized Sulphanilic Acid ". *Analyst*, **116**: 249-251.
- Morrison and Boyd., (1992). "Organic Chemistry", Prantice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.
- Neiman, E. Y., Dracheva, L. V. (1990). "Adsorptive stripping voltammetry". JOAC of the USSR., **45(2)**: 155-167.
- Nur Fajar Yanta (2000). "Analisis Beberapa Logam Berat Dalam Air, Sedimen Dan Haiwan Bercengkerang Di Pesisiran Pantai Semenanjung Malaysia Dan Potensi Haiwan Tersebut Sebagai Penunjuk-Bio Pencemaram Marin'. Tesis Master (Kimia). Universiti Teknologi Malaysia. .
- Parker, V. D. (1973). " Anodic Oxidation of Amines." Dalam: Baizer, M. M (Ed). "Organic Electrochemistry." New York: Marcel Dekker Inc.
- Peoples, S. A. (1975). Review of Arsenical Pesticide. Dalam: Lederer, W. H. and Fensterheim, R. J. (Eds.). "Arsenic: Industrial, Biomedical, Environtment Perspectives". Proceeding of the Arsenic Symposium. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Pergantis, S. A., Heithmar, E. M. dan Hinner, T. A. (1995). "Microscale Flow Injection and Microbore High-Performance Liquid Chromatography Coupled with Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry via a High-Efficiency Nebulizer". *Anal. Chem.*, **67**: 4530–4535.
- Pergantis, S. A., Cullen, W. R., Chow, D. T. dan Eigendor, G. K. (1997a). "Liquid Chromatography and Mass Spectrometry for the Speciation of Arsenic Animal Feed Additives". *J. of Chromatogr. A*, **764**: 211–222.
- Pergantis, S. A., Heithmar, E. M. dan Hinner, T. A. (1997b). "Speciation of Arsenic Animal-Feed Additives by Using Microbore High Performance Liquid Chromatography with Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry". *Analyst*, **122**: 1063–1065.

- Pergantis, S. A., Winnik, W. dan Betowski, D. (1997c). "Determination of Ten Organoarsenic Compounds Using Microbore High-Performance Liquid Chromatography Coupled with Electrospray Mass Spectrometry-Mass Spectrometry". *J. of Anal. At. Spectrom.*, **12**: 531-536.
- Rahimah binti Jamalludin (1999). "Kajian Voltammetri Sebatian Asid 3-Nitro-4-Hidroksifenilarsonik", Tesis Sarjana Sains (Kimia). Universiti Teknologi Malaysia.
- Rasul, S. B., Munir, A. K., Hossain, Z.A., Khan, A.H., Allauddin, M. dan Hussam, A. (2002). "Electrochemical Measurement and Speciation of Inorganic Arsenic in Groundwater of Bangladesh". *Talanta*, **58**: 23-31.
- Razali bin Ismail (1997). "Cathodic Stripping Voltammetric studies Of Organic Compounds In The Presence Of Metal Ions." Tesis Doktor Falsafah (Kimia). Universiti Teknologi Malaysia.
- Revanasiddappa, Kumar, K dan Bilwa, M. (2001). "A Facile Spectrophotometric Determination of Nitrite Using Diazotization with p-Nitroaniline and Coupling with Acetyl Acetone" *Mikrochim. Acta*, **137**: 249-253.
- Ricci, G. R., Shepard, L. S., Colovos, G. dan Hester, N.E. (1981). "Ion Chromatography with Atomic Absorption Spectrometry Detection for Determination of Organic and Inorganic Arsenic Species". *Anal. Chem.*, **53**: 610-613.
- Rodrigues, J. A. dan Barros, A. A. (1995). "Determination of Aniline by Adsorptive Stripping Voltammetry Using an Improved Diazotization and Coupling Procedure. Application to The Evaluation of the Light Degradation of D&C Red No. 33 in The Precence of Ascorbic Acid". *Talanta*, **42**: 915-920.
- Ronald,E. (1994). "A review of arsenic hazards to plants and minerals with emphasis on fishery and wildlife resources. Dalam: Joreme, O.N. (Eds.). "Arsenic in the Environtment; Human and Ecosystem Health". New York: John Wiley and Sons Inc.
- Ross, S.D., Finkelstein, M dan Rudd, E. J. (1975). "Anodic Oxidation." New York, Academic Press, Inc.
- Ruiz, T. P., Lozano, C. M., Tomas, V dan Marti, J. (2002). "Fluorimetric Determination of Arsanilic Acid by Flow-Injection Analysis Using On-Line Photo-Oxidation". *Anal. Bioanal. Chem.*, **372**: 387-390.
- Satake, M dan Wang, G-F. (1997). "Spectrophotometric determination of nitrite In natural waters using diazotization- coupling method with column preconcentration on naphthalene supported with ion-pair of tetradecyldimethylbenzyl-ammonium and iodide". *Fresenius. J. Anal. Chem.*, **357**: 433-438.

- Schlegel, D., Mattusch, J. dan Wennrich, R. (1996). " Speciation analysis of arsenic and selenium compounds by capillary electrophoresis". *Fres. J. Anal. Chem.*, **354**: 535-539.
- Skoog, D. A., West, D.M. dan Holler, F. J. (1996). Fundamental of Analytical Chemistry. Seventh Edition. New York: Saunders College Publishing.
- Sinaga, S. M., Yusoff, A. R. H. M., Ahmad, R dan Jaafar, J. (2001). " Penggunaan Elektrod Pasta Karbon Terubahsuai Bagi Kajian Sebatian Asid *para*-Arsanilik Dengan Kaedah Voltammetri". *Malays. J. Anal. Sci.* **7**: 49-56.
- Siti Morin Sinaga (2002). " Penggunaan Voltammetri Elektrod Pasta Karbon Dan Elektrod Pasta Karbon Terubahsuai Bagi Penentuan Sebatian Asid 3-Nitro-4-Hidroksifenilarsonik Dan Asid *para*-Arsanilik". Tesis Doktor Falsafah (Kimia). Universiti Teknologi Malaysia.
- Smyth, M. R. dan Smyth, W. F. (1978). "Voltammetry Methods for the Determination of Foreign Organic Compounds of Biological Significance." *Analyst*, **103**: 529-657.
- Spini, G., Profumo, A. dan Soldi, T. (1985). "Voltammetric Determination of Some Organic Compounds of Arsenic Reduced at Mercury Electrode." *Anal. Chim. Acta*, **176**: 291-296.
- Subramaniam, K.S, Meranger, J.C. dan Curdy, R. F. (1984). "Determination of Arsenic (III) in Some Scotian Ground Water Sample". *At. Spectrosc.*, **5**(4): 192-194.
- Sun, Yuh-Chang, Mierzwa, J. dan Yang, Mo-Hsiung (1997). "New Method of Gold Film Electrode Preparation for Anodic Stripping Voltammetric Determination of Arsenic(III and V) in Sea Water". *Talanta*, **44**: 265–276.
- Tedder, J. M., Nechvatal, A., Murray, A. W. dan Cornduff, J. (1972)."Basic Organic Chemistry". New York: John Wiley & Sons.
- Van den Berg, C. M. G. (1991). "Potential and Potentialities of Cathodic Stripping Voltammetry of Trace Elements in Natural Water" *Anal. Chim. Acta*, **250**: 265–276.
- Vicek, A.A., Volke, J., Pospisil, L. dan Kalvoda, R. (1986). "Polarography." Dalam: Rossitter, B. W. dan Hamilton, J. E. (1986)." Physical Methods of Chemistry." Volume II. Electrochemical Methods. New York: Jhon Wiley & Sons.
- Wang, J. (1985). Stripping Analysis: Principles, Instrumentation and Application Florida. USA. Deerfield Beach.

- Wangkarn, S. dan Pergantis, S. A. (2000). "High-Speed Speciation of Arsenic Compound Using Narrow-Bore High-Performance Liquid Chromatography On-Line with Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry". *J. Anal. At. Spectrom.*, **15**: 627–633.
- Wang, J. (1994). "Analytical Electrochemistry". USA: VCH Publishing Inc.
- Wang, J. (2000). "Analytical Electrochemistry". USA: VCH Publishing Inc.
- Watson, A. dan Svehla, G. (1975a). "Polarographic Studies on Some Organic Compounds of Arsenic. Part I: Substituent Effects and the Arsonic Acids". *Analyst*, **100**: 489–592.
- Watson, A. dan Svehla, G. (1975b). "Polarographic Studies on Some Organic Compounds of Arsenic. Part II: Phenyl Arsenoxide". *Analyst*, **100**: 573–583.
- Watson, A. dan Svehla, G. (1975c). "Polarographic Studies on Some Organic Compounds of Arsenic. Part III: Triphenylarsine Oxide". *Analyst*, **100**: 584–592.
- Wershaw, R.L., Rutherford, D.W., Rostad, C. E., Garbarino, J.R., Ferrer, I., Kennedy, K.R., Momplaisir, G.M. dan Grange, A. (2003). "Mass Spectrometric Identification of An Azobenzene Derivative Produced by Smectite-Catalyzed Conversion of 3-amino-4-hydroxyphenylarsonic acid". *Talanta*, **59**: 1219–1226.
- Weston, R. E., Wheals, B. B. dan Kensett, M. J. (1971). "The Gas Chromatography Determination of Arsanilic Acid and Carbarsone in Animal Feeding Stuff". *Analyst*, **96**: 601–603.
- Xu, C., Wu, K., Hu, S dan Cui, D. (2002). "Electrochemical detection of parathion At a glassy-carbon electrode modified with hexadecane." *Anal. Bioanal. Chem.*, **373**: 284–288.
- Yaridimer, C. dan Ozaltin, N. (2001). "Electrochemical Studies and Differ Pulse Polarographic Analysis of Lansoprazole in Pharmaceuticals." *Analys.*, **126**: 361–366.
- Zayas, T., Percino, M. J., Cardoso, J dan Chapela, V. M. (2000). "Novel water-soluble polyelectrolytes with arsonic acid group for flocculation application." *Polymer*, **41**: 5505–5512.
- Zen, J-M., Jou, J-J. dan Kumar, A.S. (1999). "A sensitive voltammetric method for the determination of parathion insecticide." *Anal. Chem. Acta*, **396**: 39–44.
- Zima, J. dan Constant, M. G. (1994). "Determination of Arsenic in Sea Water by Cathodic Stripping Voltammetry in the Precence of Pyrrolidine Dithiocarbamate". *Anal. Chim. Acta*, **289**: 291–298.

Zollinger, H. (1991). "Color Chemistry: Syntheses, Properties and Applications of Organic Dyes and Pigments." 2nd. ed. New York: VCH Publishers, Inc.

Zuman, P. (1970). "Organic Polarography". New York: Plenum Publishing Company.